

## Membina keutuhan Iman Melalui Pengajian Ilmu

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَزَّنَا بِالْإِسْلَامِ، وَاخْتَارَنَا مِنْ أُمَّةٍ خَيْرِ نَبِيِّ أُخْرِجَ فِي الْعَالَمِ، وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ أَحْسَنَ الْكُتُبِ وَأَجَلَّ الْكَلَامِ، هُدًى وَرَحْمَةً لِلْأَنَامِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Lakukan segala perintahNya. Tinggalkan segala laranganNya. Marilah kita berpegang teguh kepada ajaranNya yang sebenar. Semoga setiap dari kita terpelihara dari terpesong dari jalanNya yang lurus.

Saudaraku,

Sepanjang bulan ini, kita telah mendengar khutbah-khutbah berkaitan kepentingan iman. Menjadi suatu kepentingan untuk kita sering ingat-mengingati berkaitan persoalan keimanan. Lebih-lebih lagi di zaman serba maju kini, yang mana kebanyakan insan mudah terdedah kepada kekosongan jiwa, disebabkan kesibukkan mengejar kesenangan kehidupan duniawi atau bagi memenuhi tuntutan kehidupan yang pelbagai.

Ini merupakan satu fenomena dalam zaman industri dan kemajuan atau dikenali sebagai “*industrial society*”. Jiwa yang kosong pula mudah dipenuhi dengan sesuatu yang dapat mengisi kekosongan ini. Kerana itu, kita perlu lebih berhati-hati dalam memastikan bahawa kita ini memperoleh sumber ajaran agama yang benar yang dapat mengisi kekosongan rohani kita.

Oleh itu saudaraku, iman yang utuh itu dibina atas dasar ilmu agama yang muktabar. Kita mengetahui bahawa melalui ilmu, seorang mukmin mampu meneruskan kehidupannya di dunia, dengan menurut apa yang diredhai Allah s.w.t. demi mencapai kejayaan abadi di akhirat kelak. Allah s.w.t. berfirman dalam surah As-Saba' ayat 6 yang menceritakan kelebihan orang yang berilmu:

وَيَرَى الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ الَّذِي أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ  
رَبِّكَ هُوَ الْحَقُّ وَيَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ  
الْحَمِيدِ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *“Dan orang yang diberi ilmu pengetahuan yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji.”*

Melalui ayat ini Allah s.w.t. menegaskan bahawa ilmu itu merupakan antara faktor seorang insan mendapat petunjuk Illahi. Melalui ilmu kita dapat memperkukuh akidah dan keutuhan iman dalam jiwa. Dan melalui ilmu seorang insan apabila berhadapan dengan maklumat agama, samada melalui buku penulisan ataupun wadah internet, beliau mampu mengenalpasti yang hak dari yang batil, yang benar dari yang diragui. Inilah peranan ilmu agama bagi setiap individu.

Namun saudara dalam menuntut ilmu – lagi-lagi di zaman sekarang – terdapat tiga jenis golongan yang perlu kita kenal pasti.

**Golongan yang pertama:** Ingin yang pantas.

Terdiri dari mereka yang menginginkan ilmu agama dengan segera dan cepat. Maka mereka tidak menghiraukan samada sumber maklumat itu betul ataupun tidak, asalkan terjawab kemusykilan agama. Mereka ini terdorong untuk menggunakan internet dan aplikasi internet sebagai satu-satunya sumber ilmu agama. Ketahuilah, bahawa golongan ini boleh terkeliru dan tersesat jalan dalam memahami teks-teks agama.

Saudaraku, tradisi menuntut ilmu dari zaman Rasulullah s.a.w. lagi ialah dengan mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan dari mereka yang lebih berpengetahuan. Wujudnya hubungan antara guru dengan murid. Ini disebabkan penjelasan alim

ulama berkaitan teks-teks agama itu perlu diambil kira. Agar kita benar-benar memahami maksud disebalik sesuatu teks tersebut.

**Golongan yang kedua:** Ingin yang mudah.

Golongan ini menginginkan jalan yang termudah menuju kepada Allah s.w.t. Mereka juga mengharapkan jalan pintas mengamalkan syarak. Golongan ini akan mudah tertipu dengan dakwaan sebahagian pelopor ajaran sesat yang mempromosikan jalan pintas menuju Allah s.w.t. Sebagai contoh: Ajaran yang mendakwa sesiapa yang mengikutinya akan dijamin syurga, ataupun cukup berzikir beberapa kali dengan zikir yang dibawa ajarannya pasti akan memasuki syurga. Walaupun solat fardhu tidak lagi wajib buat pengikutnya. Contoh-contoh ini – dan banyak lagi – merupakan intipati kebanyakan ajaran sesat sepanjang zaman, yang hanya sekadar memberi janji-janji manis untuk menarik perhatian mereka yang tidak kuat ilmu pengetahuan agamanya.

Ketahuilah saudaraku, tiada jalan pintas menuju Allah s.w.t. Sekiranya ada, pasti telah ditunjukkan Nabi Muhammad s.a.w. Akan tetapi Rasulullah s.a.w. dan generasi para sahabat r.a. membuktikan kepada kita, bahawa jalan menuju syurga itu kadangkala dipenuhi dengan ujian dan pengorbanan. Nabi bersabda:

## حُقَّتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ ، وَحُقَّتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Syurga itu diselebungi dengan kesusahan, dan neraka itu diselebungi dengan (apa yang disukai) syahwat*”. [Hadith riwayat Imam Muslim]

Saudaraku,

Adapun **golongan yang ketiga**, merupakan cara menuntut ilmu yang benar, iaitu dengan mendalami ilmu agama Islam. Mereka terdiri dari individu-individu yang sentiasa berusaha untuk mempelajari metodologi atau cara memahami Al-Quran serta sunnah Rasul. Teks Al-Quran dan sunnah adalah teks yang rumit dan terbuka kepada pelbagai penafsiran. Maka di sini perlunya untuk kita bukan hanya sekadar melaungkan ingin mengikuti Al-Quran dan sunnah, akan tetapi seharusnya kita mendalami cara para ulama memahami Al-Quran dan Sunnah.

Golongan yang ketiga ini dikurniakan tuhan rasa cinta kepada ilmu. Mereka akan sentiasa berusaha untuk mencapai tahap ilmu yang lebih baik. Sebagai contoh: Sekiranya pada tahun ini mereka belum pandai lagi membaca Al-Quran, mereka berusaha untuk menimba ilmu pengetahuan sehingga mampu membaca dan memahami isikandung Al-Quran. Mereka juga sering berhubungan bukan sahaja dengan seorang ustaz, bahkan dengan pelbagai guru agama yang bertauliah, memerhatikan dan mengkaji sumber maklumat agama yang diperolehinya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita berdoa kepada Allah agar mengurniakan kepada kita rasa cinta kepada ilmu dan ahlinya. Dan mudah-mudahan kita sentiasa dipeliharaNya dan dikurniakan petunjukNya, sehingga dapat membantu kita dan ahli keluarga kita menjaga aqidah dan memperkukuhkan iman di dada. Semoga Allah memelihara masyarakat yang kita sayangi ini, di atas landasan SyariahNya, seperti yang dibawa oleh Baginda Nabi s.a.w. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .